

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HLM 301 Muzik Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN(8) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab LIMA(5) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Alat muzik Melayu sebenarnya ditiru dan dipinjam dari negara-negara lain."  
Bincangkan kenyataan ini.
2. Bandingkan alat-alat muzik Makyong dan Wayang Kulit dan terangkan fungsi muzik di dalam salah satu bentuk teater ini.
3. Bincangkan ciri dan struktur muzik Melayu dengan merujuk kepada Makyong dan Joget Gamelan.
4. Bandingkan alat dan struktur muzik Hadrah, Rodat dan Gendang Kling.
5. Tuliskan satu esei tentang muzik Nobat.
6. (a) Bincangkan persamaan dan perbezaan di antara Manora di Kelantan dan Manora di Kedah dari segi alat-alat muzik dan format persembahan.  
(b) Dengan menggunakan rajah terangkan alat-alat muzik Makyong Laut.

7. Bandingkan muzik Kuda Kepang dan Barongan dari segi alat-alat muzik, struktur dan fungsi muzik.
  
8. Muzik tradisi Melayu kian lama kian lenyap akibat saingan dari muzik Barat dan keadaan ini membawa kepada tanggapan bahawa muzik Melayu telah ketinggalan zaman. Bincangkan pendapat ini dan ramalkan nasib muzik tradisi Melayu di kurun ke-21.

-ooo000ooo-